



## **DESKRIPSI DAN KRITERIA ANUGERAH PENGAJARAN**

### **ASAS ANUGERAH**

Anugerah Pengajaran bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada tenaga pengajar UNIMAS yang telah menunjukkan keserjanaan dan kecemerlangan dalam pengajaran. Keserjanaan pengajaran merujuk kepada tahap keilmuan yang tinggi yang merangkumi penjaanaan dan perkongsian ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kecemerlangan pengajaran merujuk kepada amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan yang kreatif dan inovatif, berasaskan falsafah, teori dan prinsip pengajaran yang mantap untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar.

### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Pemohon telah disahkan dalam jawatan sebagai tenaga pengajar sekurang-kurangnya lima (5) tahun di IPT pada 31 Disember 2023.
2. Seseorang pemohon hanya boleh menerima anugerah ini sekali seumur hidup.
3. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan portfolio pengajaran dan butir jaya diri (*CV*) terkini dan lengkap.

### **KRITERIA PENILAIAN**

Penilaian bagi Anugerah Pengajaran adalah berdasarkan kriteria berikut:

1. Falsafah pengajaran dan pembelajaran.
2. Strategi keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.
3. Kreativiti\* dan inovasi\*\* serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran.
4. Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan.
5. Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional.
6. Keserjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian.

\*Kreativiti ialah penjaanaan idea atau teknik atau strategi baru dalam pengajaran dan pembelajaran serta penilaian. Kreativiti diukur berdasarkan kebaruan idea dan penggunaan unsur-unsur terbaharu (seperti teknologi /ICT/strategi pengajaran terkini) dalam pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.

\*\*Inovasi ialah usaha menambah nilai pengajaran dan pembelajaran serta penilaian bagi kursus-kursus yang diajar. Kejayaan inovasi diukur berdasarkan impaknya terhadap meningkatkan motivasi dan kualiti pembelajaran pelajar.

## PROSEDUR PENILAIAN

### Penilaian portfolio

**Portfolio WAJIB** mengandungi perkara-perkara berikut:

1. **Falsafah pengajaran dan pembelajaran yang menggambarkan keserjanaan pemohon.**
  - 1.1 Pernyataan falsafah yang jelas dengan kepercayaan dan nilai
  - 1.2 Pernyataan teori/model yang mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran.
  
2. **Penyataan strategi perancangan dan pelaksanaan keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.**
  - 2.1 Perincikan dan jelaskan strategi perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan terhadap perkara berikut:
    - a) Pengajaran/penyeliaan
    - b) Penilaian
  - 2.2 Sertakan bahan bukti/maklumat yang **berkaitan dengan pernyataan strategi** di atas, contoh:
    - a) Senarai kursus yang diajar
    - b) Rangka kursus dan bilangan pelajar
    - c) Bilangan pelajar diselia mengikut peringkat Sijil/Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/PhD
  
3. **Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran (kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian).**
  - 3.1 Pernyataan kreativiti dan inovasi yang sejajar dan menyokong:
    - a) Falsafah pengajaran/penyeliaan dan penilaian
    - b) Kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian
  - 3.2 Terangkan kreativiti dalam inovasi yang dilaksanakan
    - a) Ciri inovasi
      - Asli
      - Signifikan
      - Relevan
    - b) Kaedah pengajaran dan pembelajaran atau penilaian yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)
    - c) Kesejajaran antara kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian dengan hasil pembelajaran.
  - 3.3 Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada:
    - a) Peningkatan pencapaian pelajar
    - b) Kualiti hasil kerja pelajar

Sertakan bukti bagi menyokong bahagian yang berkenaan.

**4. Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan**

- 4.1 Sertakan bukti hasil penilaian pengajaran/penyeliaan oleh pelajar
- 4.2 Sertakan testimonial pengajaran/penyeliaan berkesan daripada pelbagai sumber merangkumi:
  - a) Pelajar
  - b) Rakan Sejawat
  - c) Jabatan/Fakulti
  - d) Universiti
  - e) Komuniti/Industri

**5. Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional**

- 5.1 Penambahbaikan kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian melalui amalan reflektif yang merangkumi:
  - a) Dokumentasi refleksi
  - b) Analisis/sintesis untuk penambahbaikan
  - c) Tindakan dan perkongsian
- 5.2 Pembangunan profesional dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian.

**6. Kesarjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian**

- 6.1 Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran/penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat (universiti/kebangsaan/antarabangsa) melalui mana-mana yang berikut:
  - a) Media sosial (termasuk YouTube, blog, Facebook dll)
  - b) Bengkel/seminar
  - c) Komuniti pembelajaran (*Special Interest Group*)
  - d) Modul pembelajaran/ buku teks
  - e) Penerbitan berwasit
  - f) Penerbitan digital (contoh e-buku, e-jurnal)
- 6.2 Pengiktirafan (anugerah/jemputan ucap utama/seminar/ penceramah jemputan/jurulatih utama/mentor) yang diperolehi.
- 6.3 Kepimpinan (pengerusi/jawatankuasa) dalam komuniti akademik (fakulti/universiti/persatuan akademik kebangsaan/antarabangsa) yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

**NOTA :**

*Kandungan portfolio hendaklah disusun mengikut urutan di atas.*